



# Dakwah Islam selari fitrah manusia

Bukan hanya jaga akidah tetapi utamakan kebajikan

**G**ERAKAN dakwah Islam sebenarnya selari dengan fitrah manusia. Ini kerana, gerakan tersebut akan hanya menolak perkara atau amalan yang boleh mengancam diri manusia secara fizikal dan rohani serta bertentangan dengan akidah Islam.

Selain itu, gerakan dakwah tersebut akan meraikannya. Malah ada sesetengah amalan sesuatu kaum atau bangsa dijadikan acara tahunan.

Pendekatan itu bukan hanya mampu menyuburkan ikatan persaudaraan dan sikap tolong menolong tetapi memberi peluang kepada pendakwah terbabit untuk mengenal pasti kelemahan atau kesilapan dalam gerakan dakwah mereka.

Itulah yang ditemukan oleh seorang pelajar sarjana Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Roslieza Rosli** semasa menyiapkan tesisnya mengenai pendekatan dakwah dalam kalangan mualaf oleh Persatuan Cina Muslim (Macma) cawangan Kelantan, baru-baru

## bimbingan

Oleh **HASHNAN ABDULLAH**  
agama@utusan.com.my



ini.

Macma memfokuskan pendekatan dakwah mereka melalui khidmat sosial sebagai usaha membina hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat Cina.

Antaranya melalui majlis sambutan Tahun Baharu Cina, pesta Tanglung, mempromosikan masakan halal Cina dan juga kerja-kerja kebajikan membabitkan masyarakat Cina tanpa mengira latar belakang agama.

"Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pertubuhan tersebut untuk menonjolkan nilai murni atau akhlak Muslim sama ada kepada yang seagama atau belum memeluk Islam.

"Usaha itu juga membuka minda masyarakat Cina yang bukan Islam bahawa perbezaan mereka dengan Cina

Muslim hanyalah dari segi akidah atau kepercayaan sahaja," katanya ketika ditemui di UKM, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Kajian tesisnya itu dua kali mendapat anugerah pingat emas pada peringkat antarabangsa ketika dibentangkan pada *Seminar Antarabangsa Berkenaan Pembangunan dan Pemerkasaan Mualaf* di Madinah, Arab Saudi dan *Seminar Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam (Jewaris)* 2016 di Indonesia.

## PENGUKUHAN AKIDAH

Pada masa sama, Roslieza memberitahu, bantuan untuk golongan mualaf yang masih baharu dalam Islam turut dibantu melalui kelas-kelas pengukuhan akidah dan kemahiran hidup.

Program sedemikian amat penting kerana ia bukan hanya mengelakkan gejala murtad dalam kalangan mualaf tetapi memberi gambaran bahawa Islam tidak pernah mengabaikan mana-mana penganut yang dalam kesusahan.

Sementara itu, rakannya, **Siti Nor Athirah Hashim** yang turut terlibat dalam kajian peringkat sarjana untuk mualaf dari aspek pengurusan zakat berkata, ia merupakan elemen penting dalam menjaga kebajikan golongan mualaf.

Bantuan wang zakat itu bukan hanya untuk mengelak berlakunya gejala murtad dalam kalangan mualaf tetapi lebih penting lagi, Islam tidak pernah mengabaikan mana-mana penganutnya yang dalam kesusahan.

"Golongan mualaf itu perlu berusaha mendapatkan bantuan zakat kerana setiap majlis agama negeri mempunyai peruntukan tetapi malangnya, ramai yang tidak mendaftar selepas mereka memeluk Islam.

"Kegagalan tersebut bukan hanya kerana sikap sambil lewa mualaf itu sendiri tetapi juga maklumat mengenai permohonan bantuan zakat tidak sampai kepada mereka," katanya yang turut dianugerahkan Pingat Perak pada seminar yang sama di Madinah, berikutan kajian tesisnya itu.



SITI NOR ATHIRAH HASHIM

"Kelas kemahiran itu akan melatih mualaf tersebut berdikari, tetapi dalam masa sama, ia satu usaha untuk menjadikan mereka sebagai pembayar zakat pada masa depan," katanya.

Seorang lagi pelajar sarjana UKM yang terlibat dalam kajian mualaf, **Siti Hafizah Mohd. Nazeer** melihat aspek kursus praperkahwinan yang sedia ada tidak sesuai dengan kehendak dan keperluan mualaf, khususnya yang baharu memeluk Islam.

Berdasarkan kajian tesisnya, beliau memberitahu, majoriti mereka gagal memahami isi kandungan kursus itu kerana malu untuk bertanya dan lebih selesa jika bahasa pengantar kursus itu dalam bahasa ibunda masing-masing.

"Mereka juga lebih selesa jika tenaga pengajarnya daripada kalangan kaum sendiri. Mungkin kerana tenaga pengajar itu lebih memahami tentang keperluan dan kehendak mualaf itu khususnya yang baharu memeluk Islam," katanya yang turut merangkul pingat perak pada seminar Jewaris 2015 yang diadakan di Brunei.



SITI HAFIZAH MOHD NAZEER



ROSLIEZA ROSLI